

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH SITI ZAILAH
BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kemasukan pelancong dari negara China dan India bermula 2018 hingga kini dan berapa jumlah yang masih berada di Malaysia yang melebihi tempoh visa yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ketibaan pelancong China ke Malaysia pada tahun 2018 adalah seramai 2.9 juta pelancong (+29.0%) dan bagi suku tahun pertama Jan – Mac 2019 adalah sebanyak 841,800 (+8.8%). Manakala ketibaan pelancong India pada tahun 2018 adalah seramai 594,098 pelancong (+7.5%) dan bagi suku tahun pertama Jan – Mac 2019 adalah seramai 157,690 (+18.6%).

Walaubagaimanapun, Kementerian tiada maklumat mengenai jumlah pelancong yang masih berada di Malaysia yang melebihi tempoh visa yang dibenarkan.

Sekian, terima kasih.